

# Kerjasama akademik dan industri untuk modal insan

Oleh ROHANI IBRAHIM  
rencana@utusan.com.my

CABARAN dunia global pada hari ini yang mementingkan inovasi memberikan cabaran besar kepada badan akademik terutamanya universiti.

Universiti kini perlu memastikan kurikulum pengajian mereka adalah relevan dengan tuntutan semasa sektor pekerjaan.

Kurikulum yang seiring dengan kehendak semasa adalah penting supaya graduan lepasan universiti mendapat pendedahan yang diperlukan sepanjang pengajian.

Selain itu ia juga memastikan lepasan universiti mudah menyesuaikan diri dan mampu menangani cabaran industri apabila bekerja kelak.

Oleh itu, universiti dan industri perlu menjalinkan hubungan rapat supaya negara mampu memiliki pasaran tenaga kerja yang kompetitif serta mampu bersaing di peringkat global.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam salah satu entri di laman blognya, *khalednordin.com* pernah berkata, universiti tidak boleh bergerak dengan sendirinya, tanpa bantuan pihak lain.

"Dalam soal penyelidikan misalnya, universiti boleh menghasilkan penyelidikan yang bermutu dan berimpak tinggi. Namun ia masih memerlukan aktor lain seperti pihak industri untuk tujuan pengkomersialan. Jika tidak, hasil penyelidikan di universiti akan kita terhadap penyelidikan tidak berbaloi.

"Justeru, hubungan universiti dengan industri mesti diperkuatkan, malah saya meng-



MOHAMAD Razali Osman (dua dari kiri) dan Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim bertukar-tukar dokumen perjanjian, sambil diperhatikan oleh Pengurus Besar Sapura Industrial Kelana Sajari (kiri) dan Prof. Dr. Rosli Mohd. Yunus, pada majlis menandatangani memorandum perjanjian dengan UMP di Sapura Industrial, kelmarin.

UM (Rencana) 07/01/2010 ms/11

galakkan supaya industri menjadikan universiti sebagai pusat latihan mereka dalam kampus. Universiti boleh menggunakan industri untuk penyelidikan sementara industri pula boleh berkongsi kepakaran mereka dengan pihak universiti," jelas Mohamed Khaled.

Tambah beliau, secara tidak langsung juga kita boleh tingkatkan kebolehpasaran graduan melalui kurikulum yang selari dengan kehendak industri itu sendiri.

Menyedari perlunya hubungan di antara

akademik dan industri, Sapura Industrial Berhad (SIB) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani satu perjanjian kerjasama dalam bidang teknologi untuk pembangunan modal insan di pejabat SIB di Bangi baru-baru ini.

Kerjasama tersebut meliputi bidang penyelidikan dan pembangunan, latihan industri, pembinaan kemahiran dan penyerntan tenaga kerja SIB dalam program pendidikan UMP.

Perjanjian berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif SIB, Mohamad Razali Osman dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Mohamad Razali ketika ditemui selepas majlis menandatangani perjanjian itu berkata, perjanjian tersebut akan membuka peluang kepada kedua-dua pihak untuk bekerjasama dalam membangunkan modal insan, kemahiran dan keupayaan.

"Kerjasama ini akan menyaksikan SIB dan UMP menjalankan pelbagai usaha yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak. SIB dan UMP juga boleh saling bantu-membantu dalam melaksanakan pelbagai program seperti kajian mengenai reka bentuk produk automatik, kemahiran pengeluaran serta pelbagai teknik dan prosedur.

"Sebagai permulaan tiga orang jurutera SIB sudah mendaftar dalam program pasca siswazah sepenuh masa dengan UMP. Mereka akan menjalankan kajian mengenai bidang tugas masing-masing di bawah pemantauan tenaga pengajar UMP sebagai fellow," katanya.

Kata Mohd. Razali, melalui perjanjian yang ditandatangani juga, warga akademik dan pelajar UMP akan menjalani latihan industri di syarikat-syarikat di bawah SIB.

"Diharapkan dalam tempoh jangka panjang, kerjasama ini akan menghasilkan forum diskusi kaedah reka bentuk serta melahirkan reka bentuk pelbagai produk melalui kajian serta analisis bersama," katanya.

Tambah beliau, kerjasama berkenaan membolehkan warga kerja SIB untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan.

Sementara mahasiswa dan kakitangan akademik UMP pula berpeluang mendapat pendedahan mengenai gambaran sebenar industri di SIB.

"Dengan cara ini proses, teknologi dan produk baru dapat dibangunkan secara bersama. Oleh itu UMP merupakan rakan kongsi yang tepat bagi SIB," jelas Mohd. Razali.

Sementara itu, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir berkata, sebagai sebuah universiti berasaskan teknikal, kerjasama dengan industri adalah satu keperluan.

"Kerjasama ini membolehkan pihak universiti dan industri saling melengkapi antara satu sama lain dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ini adalah selaras dengan misi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi," katanya.

Tambah Daing Nasir, mempunyai rakan kongsi di kalangan industri adalah penting bagi UMP kerana para pelajar, penyelidik dan kakitangan akademik universiti perlu didekahkan dengan situasi sebenar industri.

"Ini membolehkan mereka mengikuti perkembangan yang berlaku dalam industri dari semasa ke semasa.

"Tidak ada gunanya UMP mendakwa bahawa ia adalah sebuah universiti berasaskan teknikal dan menghasilkan pelajar yang mahir dari segi amali jika tidak ada rakan kongsi industri yang dapat menawarkan lokasi untuk kami praktikkan segala ilmu.

"Kerjasama ini tentunya membawa banyak manfaat kepada UMP. UMP juga bakal memperkenalkan program Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang akan memberi fokus kepada aspek pengurusan dalam industri perusahaan," katanya.